



Ruj. Kami: PTPK.SDC.100-1/35/2 (7)
 Tarikh: 13 Mac 2020

**Ketua Eksekutif / Pengarah / Pengurus
 Penyedia Latihan/ Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri
 Jabatan Pembangunan Kemahiran**

Y.Bhg Datuk/Dato/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN URUSAN PENDAFTARAN PELATIH DAN
 PENGHANTARAN DOKUMEN PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN
 LATIHAN KEMAHIRAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat PTPK.PL3.100-1/4 Jld 6 (32) bertarikh 28 Disember 2012 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa bagi tujuan penambahbaikan Pengurusan Pembiayaan Latihan Kemahiran, pihak Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran akan menguatkuasakan peraturan-peraturan seperti **Jadual 1** di bawah mulai 16 Mac 2020:

Jadual 1: Penambahbaikan Pengurusan Pembiayaan Latihan Kemahiran Pada Tahun 2020

Bil	Perkara	Sedia Ada	Pindaan
1	Permohonan pinjaman/ pembiayaan	Dikemukakan dalam tempoh 30/ 45 hari selepas pelatih mula latihan	a) Dikemukakan dalam tempoh 60 hari dari pelatih memulakan latihan; atau b) Dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh mula latihan dengan syarat Penyedia Latihan telah diluluskan peruntukan dan mematuhi semua syarat/ peraturan yang sedang berkuatkuasa.

(Sila Catatkan Rujukan Jabatan Ini Apabila Menjawab)

2	Penghantaran dokumen sokongan	Dikemukakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat tawaran PTPK dikeluarkan	Dikemukakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh surat tawaran PTPK dikeluarkan
3	Penghantaran dokumen susulan	Dikemukakan dalam tempoh 7 hari selepas pelatih memulakan tahap seterusnya	Dikemukakan dalam tempoh 14 hari selepas pelatih memulakan tahap berikutnya (jika berkaitan)


3. Kegagalan pelatih dan Penyedia Latihan mematuhi peraturan ini, pihak Perbadanan berhak membatalkan permohonan pembiayaan serta merta. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan dan diluluskan bagi pelatih dan PL yang gagal mematuhi peraturan ini.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Amanah Aspirasi Negara”

Saya yang menjalankan amanah,



(MUSTAFA BIN ALI)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran